

**Shah Alam:** Pusat beli-belah Central i-City, di sini, yang dalam pembinaan dijangka menjadi antara penyumbang penting kepada ekonomi negara apabila mula dibuka menjelang suku akhir tahun depan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Kedua Datuk Seri Ong Ka Chuan berkata, sektor borong dan runcit amat penting dalam Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA).

“Bagi suku pertama tahun ini, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia meningkat daripada 5.6 peratus kepada 6.5 peratus dalam pertumbuhan sektor pembinaan, manakala 5.8 peratus bagi sektor perkhidmatan terutama sektor runcit dan borong.

“Kita menjangkakan KDNK lebih baik tahun ini dan usaha oleh sektor swasta seperti projek pembangunan di i-City antara bukti keyakinan dalam pertumbuhan ekonomi negara,” katanya selepas meninjau perkembangan projek pembinaan pusat be-

# Central i-City 30 peratus siap



**ONG Ka (tengah) bersama Lim (dua dari kanan) memerhati perkembangan bangunan Central i-City.**

li-belah Central i-City itu, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Eksekutif I-Berhad Tan Sri Lim Kim Hong; Naib Presiden Eksekutif Marketing Central Pattana Group (CPN) Thailand, Dr Nattakit Tangpoonsinthana dan Ketua Pegawai Operasi CPN Malaysia, Anthony Dylan.

Pusat beli-belah yang 30 peratus siap dibina hasil kerjasama CPN dan i-City

itu membabitkan kos berjumlah RM850 juta.

Sementara itu, Dr Nattakit ketika berucap berkata, pusat beli-belah berkenaan bakal menyediakan satu gaya hidup yang unik dan lengkap untuk semua peringkat masyarakat.

“Ia menggabungkan dua budaya iaitu layanan yang baik di Thailand dan kemeraan di Malaysia,” katanya.